

PM yakin ekonomi 1994 lebih baik

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

29 DEC 1993

KUALA LUMPUR 28 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik tahun depan, dalam keadaan negara yang aman.

Katanya, walaupun kedudukan ekonomi negara akan menerima kesan daripada ekonomi dunia tetapi beliau yakin pertumbuhan ekonomi negara ini tahun depan tidak akan merosot dan akan berada sekurang-kurangnya di paras sekarang.

“Jika tiada perkara yang luar biasa berlaku, negara ini akan terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik dan berada dalam keadaan aman.

“Tahun 1994 merupa-

kan satu langkah yang besar ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 kerana jika kita hendak mencapai purata pertumbuhan ekonomi tujuh peratus selama 30 tahun lagi, pada waktu yang awal ini kita perlu mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke Angkasapuri, di sini hari ini.

Katanya, persiapan awal perlu dilakukan mulai sekarang kerana apabila genap perancangan ekonomi negara dalam tempoh 20 hingga 25 tahun lagi pertumbuhan ekonomi tidak akan tinggi seperti sekarang.

“Oleh itu untuk mencapai purata tujuh peratus, kita harus mengadakan persiapan untuk menca-

■Lihat muka 2

PM yakin ekonomi 1994 lebih baik

U.M. 29 DEC 1993

tat pertumbuhan yang jauh lebih tinggi daripada paras tersebut," tegasnya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, tahun depan Malaysia masih lagi bergantung kepada bidang elektronik sebagai punca eksport yang utama.

"Sekarang kita dapati ekonomi Amerika Syarikat sedang membangun dengan baik melalui pertumbuhan ekonomi pada paras tiga peratus dan biasanya tiga peratus di Amerika Syarikat merupakan angka yang besar kerana penduduknya 250 juta.

"Oleh itu kita boleh berharap untuk mengeksport banyak barangan elektronik ke Amerika Syarikat," katanya.

Dalam masa yang sama, kata Perdana Menteri, pemulihan ekonomi Jepun juga akan dapat membantu eksport negara walaupun beliau tidak berkeyakinan terhadap ekonomi negara Eropah keseluruhannya.

Mengenai keadaan negara sepanjang tahun ini, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya jangan terlalu ghairah bergembira dengan kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara.

Katanya, Malaysia bernasib baik kerana segalanya berjalan dengan baik seperti keadaan yang aman dan pertumbuhan ekonomi yang masih baik.

"Tetapi dalam masa yang sama kita harus ingat tragedi-tragedi yang berlaku seperti kondominium runtuh dan banjir yang meragut banyak nyawa.

"Oleh itu saya berpendapat kita boleh bergembira tetapi tidak harus melupakan bahawa malapetaka boleh berlaku bila-bila masa, justeru itu kita harus bersiap-sedia dan tidak terlalu ghairah sehingga lupa daratan," katanya.

Sementara itu, dalam temubual khas dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Dr. Mahathir berkata, badan penyiaran itu hanya boleh diperbadankan sekiranya kepentingannya sebagai alat penerangan awam kerajaan akan terus terjamin.

Katanya, Kabinet memutuskan baru-baru ini bahawa RTM amat diperlukan sebagai saluran untuk berhubung terus dengan rakyat sebagai usaha memberi penjelasan mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan.

"Jika berlaku sesuatu revolusi di mana-mana juga negara di dunia, tempat yang akan menjadi sasaran utama ialah pusat penerangan. Ini dengan jelas menunjukkan pentingnya pusat penerangan kepada kerajaan. Kalau kepentingan ini dapat dijamin, saya yakin usaha untuk memperbadankan RTM tidak menjadi masalah," katanya.